


**PEMIKIRAN PENDIDIKAN ISLAM MENURUT
BADIUZZAMAN SAID NURSI DALAM
*RISĀLAH AL-NŪR***

Oleh

MOHD NASIR AYUB



**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2015

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah SWT kerana dengan rahmat dan keizinanNya dapat penyelidik menghabiskan kajian ini dengan penuh jaya, khususnya kepada semua pihak yang terbabit melicinkan lagi perjalanan tesis ini. Sesungguhnya rahmat kepatuhan dan ketaatan kepada Allah SWT, kesabaran dalam menghadapi ujian Allah serta dikurniakan kesihatan yang berterusan adalah asas dalam mengerakkan misi besar ini.

Di kesempatan ini, penyelidik ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pelajaran tinggi Malaysia (KPT) yang telah meluluskan Hadiah Latihan di bawah Skim Akademik Bumiputera (SLAB) kepada penyelidik sepanjang pengajian berlangsung. Terima kasih juga kepada pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam sebagai majikan yang prihatin dan telah menawarkan cuti bergaji penuh dengan biasiswa kepada penyelidik. Begitu juga pihak pengurusan UiTM Kedah, khususnya kepada warga pendidik Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) yang banyak memberikan kerjasama yang sewajarnya sepanjang tempoh pengajian ini.

Ucapan terima kasih juga kepada penyelia yang banyak membimbang, membantu, menyempurnakan segala kekurangan tesis sepanjang menyiapkan penyelidikan ini, Prof. Madya Dr. Muhammad Azizan Sabjan. Semoga ikatan guru dan murid ini akan terus subur dalam meneroka khazanah ilmu yang terbentang luas. Penghargaan yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Noor Shakirah Mat Akhir dan Dr. Suhaila Abdullah selaku pemeriksa dalaman dan juga Prof. Madya Dr. Che Zarrina Sa'ari selaku pemeriksa luar yang sudi berkongsi ilmu dan pengalaman.

Terima kasih juga ditujukan kepada seluruh kakitangan Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang kerana tidak puas-puas memberikan senyuman semasa penyelidik berulang alik menggeledah rak-rak buku dalam tempoh ini. Begitu juga kerjasama yang diberikan oleh Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Gombak, Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Perpustakaan Az-Zahrā', Kota Bharu. Tidak lupa kepada individu perseorangan, sahabat-sahabat di atas kerjasama, tunjuk ajar, perbincangan dan sebagainya sama

ada secara langsung ataupun tidak langsung. Khususnya ustaz Mohd Marbawi Taha, rakan yang banyak membantu dan berkongsi pengalaman sepanjang 3 tahun bermukim di pulau mutiara ini.

Ucapan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tak terhingga kepada bonda tercinta Zainab binti Jusoh kerana dengan doa dan redanya, penyelidik sampai ke tahap ini. Begitu juga dititipkan seluruh usaha dan amal jariah ini khusus buat ayahanda tersayang yang telah meninggalkan kami hampir 20 tahun yang lalu, Allahyarham Ayub bin Senik. Semoga segala kebajikan yang menyusul nanti menjadi hadiah berharga untuknya. *Allāhuma Ighfirlahū warhamhū wa 'āfihi wa 'fu 'anhū*.

Akhir sekali, ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak berbelah bagi penyelidik persembahkan kepada isteri tercinta Surita Hartini binti Mat Hassan, putera-puteraku yang dikasihi, Adam Najmi, Nazarul Islaami, Mujibur Rahman dan Ahmed Nurs El Rasikh. Menamakan putera keempat dengan Nurs El Rasikh adalah inspirasi hatiku agar keilmuan dan semangat perjuangan Islam yang dimiliki oleh Badiuzzaman Said Nursi bertepatan dengan kajian ini dipanjangkan kepada puteraku Nurs El Rasikh. Kalian semua adalah penyeri dan pembakar semangat dalam episod pendakian ilmu Allah SWT yang pastinya tidak akan terhenti di sini. Tidak lupa kepada kedua ibu bapa mertua yang dikasihi ayahanda Mat Hassan bin Ismail dan bonda Che Yam binti Che Musa, seluruh ahli keluarga serta rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi dorongan dan sokongan kepada penyelidik. Sesungguhnya Allah SWT sahaja yang Maha Mengetahui segala hasrat hati ini dan hanya Dia yang berhak mengganjari kita semua dengan sewajarnya.

Mohd Nasir bin Ayub
No. 19, Lorong BLM 3/1, Bandar Laguna Merbok,
08000 Sungai Petani, Kedah.

18 Zulhijjah 1436 H. / 2 Oktober 2015

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah,
08400 Merbok, Kedah Darul Aman.

KANDUNGAN

| | Halaman |
|-----------------------|---------|
| PENGHARGAAN | II |
| SENARAI KANDUNGAN | IV |
| SENARAI SINGKATAN | IX |
| PANDUAN TRANSLITERASI | X |
| ABSTRAK | XI |
| <i>ABSTRACT</i> | XII |

BAB 1: PENDAHULUAN

| | |
|-------------------------------|----|
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Pernyataan Masalah | 2 |
| 1.2.1 Kecelaruan Akidah | 8 |
| 1.2.2 Kecelaruan Jiwa | 11 |
| 1.2.3 Kecelaruan Akhlak | 12 |
| 1.3 Objektif kajian | 24 |
| 1.4 Soalan Kajian | 24 |
| 1.5 Skop Kajian | 24 |
| 1.6 Kajian Terdahulu | 27 |
| 1.7 Kepentingan kajian | 45 |
| 1.8 Definisi Operasional | 48 |
| 1.9 Metodologi Penyelidikan | 50 |
| 1.9.1 Metode Pengumpulan data | 52 |
| 1.9.2 Metode Analisis Data | 53 |

BAB 2: PEMIKIRAN PENDIDIKAN ISLAM DAN MANHAJ PENDIDIKAN SAID NURSI

| | |
|----------------------------------|----|
| 2.1 Pendahuluan | 57 |
| 2.2 Falsafah Ilmu Dan Pendidikan | 57 |
| 2.2.1 Berfikir Menurut Syarak | 57 |
| 2.2.2 Asas Ilmu Dan Pendidikan | 64 |

| | |
|--|----|
| 2.2.3 Tujuan Dan Matlamat Pendidikan | 69 |
| 2.2.4 Sumber Pendidikan | 75 |
| 2.2.5 Uslub Pendidikan | 77 |
| | |
| 2.3 Manhaj Tarbiah Menurut Nursi | 81 |
| 2.3.1 Pendidikan Peringkat Individu | 82 |
| 2.3.2 Pendidikan Peringkat Rumah | 84 |
| 2.3.3 Pendidikan Peringkat Organisasi (Jemaah) | 86 |
| 2.3.4 Skop Pendidikan Nursi | 90 |
| | |
| 2.4 Rumusan | 94 |

BAB 3: BIOGRAFI DAN SEJARAH PERJUANGAN SAID NURSI

| | |
|--|-----|
| 3.1 Pendahuluan | 95 |
| 3.2 Kehidupan Masa Kecil | 95 |
| 3.3 Latar Belakang Pendidikan | 98 |
| | |
| 3.4 Pergerakan Dalam Politik | 107 |
| 3.4.1 Zaman Pergolakan (1908-1912 M.) | 107 |
| 3.4.2 Mengharungi Zaman Perang Dunia Pertama | 111 |
| 3.4.3 Menentang Inggeris | 114 |
| 3.4.4 Menentang Mustafa Kamal | 116 |
| | |
| 3.5 Kehidupan Dalam Penjara Dan Pengasingan | 118 |
| | |
| 3.6 Di Bawah Pemerintahan Parti Demokratik Turki | 127 |
| | |
| 3.7 Tahun-Tahun Terakhir Dan Detik Kematian | 130 |
| | |
| 3.8 Hasil Karya Said Nursi | 133 |
| | |
| 3.9 Beberapa Inti pati Pemikiran Nursi | 137 |
| 3.9.1 Nursi Dan Tasawuf | 137 |
| 3.9.2 Nursi Dan Pembaharuan Ummah | 144 |
| 3.9.3 Nursi Dan Al-Quran | 150 |
| | |
| 3.10 Rumusan | 157 |

BAB 4: PENGENALAN *RISĀLAH AL-NŪR*

| | |
|--------------------------------------|-----|
| 4.1 Pendahuluan | 158 |
| 4.2 Definisi <i>Risālah al-Nūr</i> | 160 |
| 4.3 Pendekatan <i>Risālah al-Nūr</i> | 168 |
| 4.4 Kandungan <i>Risālah al-Nūr</i> | 171 |

| | |
|--|---------|
| 4.4.1 Kitab <i>al-Kalimat</i> | 173 |
| 4.4.2 Kitab <i>al-Maktabat</i> | 174 |
| 4.4.3 Kitab <i>al-Lumu'āt</i> | 175 |
| 4.4.4 Kitab <i>al-Syu'āt</i> | 176 |
| 4.4.5 Kitab <i>Isyārāt al-Ijāz fī Mazān al-Ījāz</i> | 177 |
| 4.4.6 Kitab <i>al-Mathnawi al-'Arabi al-Nūri</i> | 180 |
| 4.4.7 Kitab <i>Sayqal al-Islām</i> | 181 |
| 4.4.8 Kitab <i>al-Malāhiq fī Da'wah al-Nūr</i> | 183 |
| 4.4.9 Kitab <i>Sīrah Zātiyah</i> | 185 |
| 4.5 Sumber <i>Risālah al-Nūr</i> | 187 |
| 4.5.1 Al-Quran <i>al-Kārim</i> | 188 |
| 4.5.2 Sunnah Nabi Dan Sirah Baginda s.a.w. | 190 |
| 4.5.3 Kejadian Alam Dan Penciptaan Manusia | 191 |
| 4.6 Uslub <i>Risālah al-Nūr</i> | 194 |
| 4.7 Terjemahan <i>Risālah al-Nūr</i> | 201 |
| 4.8 Pengaruh <i>Risālah al-Nūr</i> | 207 |
| 4.9 Keistimewaan <i>Risālah al-Nūr</i> | 216 |
| 4.9.1 Mencedok Terus Daripada Limpahan al-Quran | 217 |
| 4.9.2 Kesyumulan al-Quran Dan Dalil Yang Positif | 218 |
| 4.9.3 Berlandaskan Sunah Rasulullah s.a.w. | 220 |
| 4.10 Rumusan | 223 |
| BAB 5: ANALISIS PEMIKIRAN PENDIDIKAN ISLAM MENURUT SAID NURSI DALAM <i>RISĀLAH AL-NŪR</i> | |
| 5.1 Pendahuluan | 225 |
| 5.2 Matlamat Pendidikan Nursi Membentuk Insan kamil | 226 |
| 5.3 Sumber Pendidikan Menurut Nursi | 231 |
| 5.4 Uslub Pendidikan Nursi | 235 |
| 5.4.1 Uslub ceramah (<i>khuṭbah wa al-muḥādarah</i>) | 237 |
| 5.4.2 Uslub penjelasan (<i>al-tabyīn</i>) | 238 |
| 5.4.3 Uslub perdebatan (<i>al-mujādalah</i>) | 240 |
| 5.4.4 Uslub penceritaan (<i>al-qissah</i>) | 241 |
| 5.4.5 Uslub nasihat menasihati (<i>al-tawṣīyyah</i>) | 244 |
| 5.5 Peringkat Pendidikan | 246 |
| 5.5.1 Pendidikan Peringkat Individu | 246 |
| a) Permasalahan diri dan kecelaruan jiwa | 246 |
| b) Kesan kecelaruan diri | 249 |
| c) Mengatasi masalah peringkat individu | 250 |

| | |
|---|-----|
| 5.5.2 Pendidikan Peringkat Rumah | 252 |
| a) Pembentukan <i>bi'ah</i> solehah di rumah | 252 |
| b) Kecelaruan dalam rumah | 255 |
| c) Cara mengatasi permasalahan di peringkat rumah | 256 |
| 5.5.3 Pendidikan Peringkat Organisasi | 257 |
| a) Isu dan permasalahan dalam berorganisasi | 259 |
| b) Cara mengatasi dan penyelesaiannya | 261 |
| 5.6 Analisis Pendidikan Akidah | 264 |
| 5.6.1 Kecelaruan Akidah Menurut Nursi | 264 |
| 5.6.2 Metode Pendidikan Akidah Menurut Nursi | 270 |
| a) Mempertahankan akidah ketauhidan | 270 |
| b) Memahami akidah berdasarkan keupayaan akal | 274 |
| c) Memahami akidah berdasarkan kefahaman insan | 278 |
| d) Mendidik akidah secara teori dan amali | 284 |
| 5.7 Analisis Pendidikan Jiwa | 288 |
| 5.7.1 Istilah Jiwa Dan Kecelaruaninya | 288 |
| 5.7.2 Kesan Kecelaruan Jiwa | 294 |
| 5.7.3 Sifat-Sifat Kecelaruan Jiwa | 298 |
| a) Keakuan (<i>al-anāniyah</i>) | 298 |
| b) Tamak (<i>al-ħiṛṣ</i>) | 300 |
| c) Hasad | 303 |
| d) Takabbur dan sompong | 304 |
| e) Melakukan maksiat | 306 |
| 5.7.4 Bagaimana Mendidik Jiwa | 307 |
| a) Rasa Takut Hanya Kepada Allah | 311 |
| b) Rasa Lemah Bila berhadapan Dengan Allah | 315 |
| c) Mencapai ' <i>Ubūdiyyah</i> hakiki | 317 |
| d) Menuntut Kebebasan Jiwa | 319 |
| 5.8 Analisis Pendidikan Jasmani | 316 |
| 5.9 Analisis Pendidikan Akhlak | 326 |
| 5.9.1 Kecelaruan Akhlak Menurut Nursi | 326 |
| 5.9.2 Asas Pembentukan Akhlak Menurut Nursi | 335 |
| a) Mengikuti petunjuk al-Quran | 335 |
| b) Menguatkan keimanan | 339 |
| c) Mengikuti <i>qudwah</i> Nabi s.a.w. | 342 |
| d) Memahami hakikat kejadian manusia | 348 |
| e) Menghayati kepentingan <i>Asmā' al-Husnā</i> | 352 |
| f) Memanfaatkan ilmu pengetahuan | 357 |
| 5.10 Gagasan Madrasah al-Zahrā' | 362 |
| 5.10.1 Idea Penubuhan Madrasah al-Zahrā' | 363 |
| 5.10.2 Kecelaruan Dalam Pendidikan Menurut Nursi | 379 |
| a) Kehilangan adab | 382 |
| b) Salah faham terhadap falsafah pendidikan | 385 |
| c) Campur tangan pemerintah | 388 |

| | |
|--|-----|
| 5.10.3 Kurikulum Pendidikan Tinggi Menurut Nursi | 394 |
| 5.10.4 Kesepaduan Ilmu Menurut Nursi | 403 |
| 5.11 Rumusan | |
| | 411 |
| BAB 6: KESIMPULAN DAN SARANAN | |
| 6.1 Kesimpulan Tesis | 412 |
| 6.1.1 Badiuzzaman Said Nursi | 412 |
| 6.1.2 Kitab Tafsir <i>Rasā'il al-Nūr</i> | 414 |
| 6.1.3 Kesimpulan Pemikiran Pendidikan Islam Nursi Dalam <i>Risālah al-Nūr</i> . | 415 |
| 6.1.4 Relevansi Pemikiran Pendidikan Nursi di Malaysia | 417 |
| 6.2 Saranan | 420 |
| 6.2.1 Pemerintah | 421 |
| a) Menggubal dasar | 421 |
| b) Menggubal silibus | 422 |
| 6.2.2 Institusi Pengajian Tinggi Awam Dan Swasta (IPTA/IPTS) | 423 |
| 6.2.3 Pensyarah Universiti Dan Pendidik Masyarakat | 423 |
| 6.2.4 Individu | 425 |
| 6.2.5 Masyarakat | 426 |
| BIBLIOGRAFI | 427 |
| LAMPIRAN | |

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|---------|---|---|
| & | : | Dan |
| a.s. | : | ‘Alaihissalam |
| ABIM | : | Angkatan Belia Islam Malaysia |
| APIUM | : | Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya |
| cet. | : | Cetakan |
| DBP | : | Dewan Bahasa dan Pustaka |
| edit. | : | Editor |
| et al. | : | Terdapat editor / penulis lain |
| H. | : | Hijrah |
| h. | : | Halaman |
| IAIS | : | Institut Antarabangsa Pengajian Islam Lanjutan |
| ibid. | : | Ibidem iaitu rujukan pada tempat yang sama dan berturut-turut |
| IIIT | : | Institut Pemikiran Islam Antarabangsa |
| IIUM | : | International Islamic University Malaysia |
| ISESCO | : | Islamic Education, Scientific And Cultural Organization |
| ISTAC | : | Institut Pemikiran Dan Tamadun Islam |
| JHEINS | : | Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sabah |
| jil. | : | Jilid |
| juz. | : | Juzuk |
| KBS | : | Kementerian Belia Dan Sukan |
| M. | : | Masihi |
| m. | : | Meninggal dunia |
| MA | : | Master |
| MACMA | : | Persatuan Cina Muslim Malaysia |
| Maturca | : | Malaysia Turki Culture |
| no. | : | Nombor |
| OIC | : | Pertubuhan Persidangan Islam Antarabangsa |
| penyt. | : | Penyunting |
| PhD | : | Philosophy of Doctorate |
| PUM | : | Persatuan Ulama Malaysia |
| r.a. | : | <i>Rađiallāhu ‘anhu</i> |
| s.a.w. | : | <i>Sallallāhu ‘alaihi wasallam</i> |
| SEFSI | : | Sekretariat Falsafah Dan Sains Islam |
| SMKA | : | Sekolah Menengah Kebangsaan Agama |
| SWT | : | <i>Subḥānahu wa ta’ālā</i> |
| t.p. | : | Tanpa penerbit |
| t.t. | : | Tanpa tahun |
| t.t.t. | : | Tanpa tempat terbit |
| terj. | : | Terjemahan |
| thn. | : | Tahun |
| UIAM | : | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia |
| UKM | : | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| UnisZa | : | Universiti Sultan Zainal Abidin |
| UPM | : | Universiti Putera Malaysia |
| USM | : | Universiti Sains Malaysia |
| Vol. | : | Volum |
| WADAH | : | Wadah Pencerdasan Umat Malaysia |
| YADIM | : | Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia |

PANDUAN TRANSLITERASI

Dalam mengeja perkataan-perkataan Arab dalam ejaan rumi, transliterasi berikut digunakan :

1. Konsonan

| Huruf Arab | Huruf Rumi | Huruf Arab | Huruf Rumi | Huruf Arab | Huruf Rumi |
|------------|------------|------------|------------|------------|------------|
| ا | - | ڙ | z | ڦ | q |
| ب | b | س | s | ڪ | k |
| ت | t | ش | sy | ڻ | l |
| ٿ | th | ص | ş | ڡ | m |
| ج | j | ض | ڏ | ڻ | n |
| ح | h | ط | ڦ | ڻ | w |
| خ | kh | ظ | z | ڻ | h |
| د | d | ع | ' | ڻ | ' |
| ذ | dh | غ | gh | ڻ | y |
| ر | r | ف | f | ڻ | h |

2. Vokal

| PENDEK | | | PANJANG | | | DIFTONG | |
|--------|---|---|---------|---|---|---------|----|
| ا | — | a | ا | — | â | اى | ai |
| ي | — | i | ي | — | î | او | au |
| و | — | u | و | — | û | | |

Rujukan : *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, h. 1-3.

PEMIKIRAN PENDIDIKAN ISLAM MENURUT BADIUZZAMAN SAID

NURSI DALAM *RISĀLAH AL-NŪR*

ABSTRAK

Penyelidikan ini merupakan satu perbincangan mengenai pemikiran pendidikan Islam serta amalannya dengan merujuk kepada pandangan Badiuzzaman Said Nursi dalam kitab *Risālah al-Nūr*. Memandangkan beliau hidup di zaman penjajahan Barat, manakala struktur sosial umat Islam mula terpengaruh dengan pemikiran Barat termasuklah dalam sistem pendidikan. Penyelidikan ini dilakukan bagi mencapai tiga objektif utama iaitu pertama, untuk memperkenalkan Said Nursi sebagai seorang tokoh dalam bidang pendidikan Islam. Keduanya, mengkaji karya *Risālah al-Nūr* dalam isu-isu berkaitan pendidikan Islam. Ketiga, menganalisis bentuk pendidikan Islam Menurut Said Nursi berdasarkan *Risālah al-Nūr*. Untuk mencapai objektif tersebut, penyelidik memilih dua kaedah asas penyelidikan iaitu metode pengumpulan data dan maklumat serta metode analisis. Data yang terkumpul akan dianalisis berdasarkan analisis kandungan. Penyelidikan ini diharapkan dapat membantu pihak yang berwajib merangka sistem pendidikan Islam yang lebih sempurna iaitu dengan mengambil kira struktur asas pendidikan Islam. Berdasarkan pandangan Said Nursi, kaedah untuk meninggikan semula kemuliaan umat Islam ialah melalui pengukuhan sistem pendidikan umat Islam yang lebih memenuhi kehendak pada zaman tersebut dan bersifat sepadu. Salah satu usaha yang dirancang ialah penubuhan Universiti Madrasah al-Zahrā' yang merupakan model sistem pendidikan yang memenuhi tuntutan dunia dan juga akhirat.

THE ISLAMIC EDUCATIONAL THOUGHT BY BEDIUZZMAN SAID

NURSI IN *RISĀLAH AL-NŪR*

ABSTRACT

This research is a discussion on the Islamic education thought and practice according to the views of Badiuzzaman Said Nursi in *Risālah al-Nūr*. Since he lived in the era of Western colonialism, the Muslim social structure began to be influenced by Western thought, including the education system. This research is carried out to achieve three main objectives; First, to introduce Said Nursi as an important figure in the field of Islamic education. Second, to examine of *Risālah al-Nūr* in issues related to Islamic education. Third, to analyse the system of Islamic education according to the view of Said Nursi in *Risālah al-Nūr*. In order to achieve these objectives, the researcher has chosen two basic methods of research which are the method of data and information collection, and the method of data analysis. The collected data were then analysed based on content analysis. It is hoped that this research will help authorities to formulate a better Islamic education system that is by taking into consideration the basic structure of Islamic education. Based on the views of Said Nursi, the method to retrieve the glory of Muslims is by strengthening the Muslim education system that fulfills the demand of the challenges of that period and with integration. One of the efforts that was planned is by the establishment of the University of Madrasah al-Zahrā' which is a model of education system that fulfills the demand of the world and the hereafter.

BAB 1:

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Badiuzzaman Said Nursi merupakan salah seorang tokoh Islam yang hidup di akhir zaman kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniah tahun 1924M. Beliau adalah tokoh Mujaddid kurun ke 20 yang banyak memberikan sumbangan kepada umat Islam dalam mempertahankan akidah ummah. Beliau menjadi ikon pejuang Islam di Turki kerana mempertahankan iman umat Islam daripada hanyut dengan ideologi Barat. Mustafa Kamal adalah tokoh yang bertanggungjawab menjatuhkan khilafah Islamiah dengan bantuan Barat, dan mengisyiharkan pembentukan Republik Turki moden menggantikan sistem khilafah.¹ Akhirnya, tembok sekularisme yang dibentuk oleh Mustafa Kamal Attarturk tahun 1924 semakin runtuh dan membentuk sebuah negara Islam yang lebih demokratik hingga ke hari ini.

Said Nursi berjuang membebaskan umat Islam Turki khususnya daripada hanyut dengan ideologi sesat Barat. Faham sekularisme dan sosialisme dari Barat menghakis tunjang akidah umat Islam dan sedikit demi sedikit cuba untuk membuang ajaran agama Islam yang dianuti semenjak dahulu lagi. Justeru itu, umat Islam mesti dibangkitkan dengan cahaya keimanan dan pembangunan pendidikan

¹ Berdasarkan sejarah, pada 29 Oktober 1923, Kamal mengisyiharkan pembentukan Republik Turki moden menggantikan Daulah Uthmaniyah. Setelah kematian Kamal tahun 1938, Turki masih lagi sekular di bawah Parti Republikan. Namun pilihan raya 1950, Parti Republik kalah dan digantikan dengan Parti Demokrat pimpinan Jalal Bayar. Kekalahan Parti Republik Rakyat disebabkan melaksanakan dasar-dasar ekstrem yang menolak amalan Islam. Dengan itu, berkuburlah parti pimpinan Kamal, namun delegasi peninggalan Kamal dan faham sekularisme masih kuat di Turki. Lihat Mohammad Redzuan Othman, "Pensekularan Dan Perjuangan Mengembalikan Kedaulatan Islam di Turki" dalam Abdullah Azzam, *Turki Negara Dua Wajah Pengkhianatan Ataturk Terhadap Dunia Islam*, cet. 6, Kuala Lumpur: Alam Raya Interprise, 2010, h. xx-xxx. Lihat juga Ian Richard Netton, *Encyclopedia of Islamic Civilisation and Religion*, London: Routledge Taylor And Francis Group, 2008, h. 504-505. Rujukan seterusnya sebagai Netton, *Encyclopedia of Islamic Civilisation and Religion*. 2008.

yang menyeluruh mesti diusahakan agar kebergantungan kepada idea dan material Barat dapat diminimumkan. Untuk merealisasikan hasrat ini, Said Nursi berpandangan sistem pendidikan umat Islam mesti diperkasakan kembali melalui gagasan Madrasah al-Zahra' yang ingin dibangunkan di timur Anatolia. Sumbangan terbesar Said Nursi ialah penulisan kitab tafsir *Risālah al-Nūr* kerana di dalamnya banyak membahaskan tentang pokok ajaran Islam dan diolah dari kaca mata semasa. *Risālah al-Nūr* bukan sahaja sebagai ubat kepada penyakit umat Islam, akan tetapi memberi perawatannya secara menyeluruh agar tidak terperangkap dengan racun Barat.

Penyelidik akan mengupas beberapa aspek kajian sebagai gambaran awal kepada bab-bab yang ke seterusnya. Untuk itu, penyelidik akan menghuraikan pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kajian terdahulu, kepentingan kajian, definisi operasional serta metodologi penyelidikan yang akan dibuat.

1.2 Pernyataan Masalah

Pembangunan sahsiah dan moral umat Islam menjadi agenda utama masyarakat Islam seluruh dunia. Negara Islam masing-masing berkongsi idea untuk mencari penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi dalam sistem pendidikan negara-negara umat Islam. Terdapat banyak kajian, penyelidikan, seminar, konferensi, penulisan dan sebagainya dibuat bagi merumus permasalahan yang dihadapi seterusnya mencari jalan penyelesaian terhadap sistem pendidikan negara masing-masing dalam kerangka penyelesaian yang sebenar.

Akibat daripada pelaksanaan sistem pendidikan yang tidak menepati kehendak Islam, maka ia menjauhkan umat Islam kepada agamanya sekali gus telah

menghakis akidah umat Islam. Ditambah pula dengan lambakan ideologi peninggalan penjajah yang menzahirkan kecelaruan yang amat parah dalam pemikiran umat Islam. Faham Sekularisme,² Liberalisme,³ Sosialisme,⁴ Marxisme⁵ dan pelbagai lagi isme-isme⁶ telah berakar dan meresap masuk dalam sistem kehidupan umat Islam sehingga sukar untuk dibuang lagi.

-
- ² Sekularisme ialah fahaman falsafah yang memisahkan urusan keduniaan dengan urusan keagamaan. Ia juga ditakrifkan sebagai pemisahan secara mutlak antara ilmu pengetahuan daripada pengaruh dan tuntutan agama (gereja). Dalam sejarah Barat, sekularisme suatu gerakan pembebasan untuk menentang ketidakadilan yang dilakukan oleh gereja Katholik di Eropah pada zaman Renaissance abad ke-14 M. hingga abad ke-16 M. Sehubungan itu, gerakan politik sekular dan kebangkitan gerakan Islam yang berlaku semenjak pertengahan abad ke-20 dan khususnya pada selepas Perang Dunia Kedua menyedarkan intelektual timur tengah terutamanya untuk merangka pelan tindakan sebagai tindak balas Barat yang cuba mewujudkan hubungan penjajah dengan rantau ini. Lihat Ian Richard Netton, *Encyclopedia of Islamic Civilisation and Religion*, 2008, h. 587. Lihat juga *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007, h. 1417. Rujukan ini seterusnya akan dituliskan *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Lihat juga Sulaiman Noordin, *Islam Sekularisme Dan Liberalisme dalam Islam, Al-Quran Dan Ideologi Masa Kini*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, h. 165.
- ³ *Kamus Dewan* mendefinisikan sebagai fahaman yang liberal, fahaman atau pendirian yang yang mahukan demokrasi serta kebebasan dalam kegiatan ekonomi. Ia juga dijelaskan sebagai aliran pemikiran yang bertujuan untuk meningkatkan kebebasan yang diberikan kepada individu. Apabila kebebasan yang diberikan itu melanggar batasan syarak, maka ia menjadi salah seperti mana yang difahami oleh Barat. Lihat *Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007, h. 936. Bandingkan dengan huraiān dalam Sulaiman Noordin, *Islam, “Sekularisme dan Liberalisme” dalam Islam, Al-Quran Dan Ideologi Masa Kini*, 1995, h. 171.
- ⁴ *Kamus Dewan* mendefinisikan sebagai teori atau sistem organisasi sosial yang menganjurkan supaya sumber-sumber kekayaan seperti pengeluaran, tanah, modal dan sebagainya dijadikan milik negara untuk dinikmati oleh setiap rakyat dengan sama rata. Berdasarkan penjelasan Sulaiman Noordin, ia merangkumi teori ekonomi dan politik. *Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007, h. 1519. Bandingkan dengan Sulaiman Noordin, “Islam, Kapitalisme, Sosialisme Dan Komunisme”, dalam *Islam, Al-Quran Dan Ideologi Masa Kini*, 1995, h. 179.
- ⁵ *Kamus Dewan* mendefinisikan sebagai teori politik dan ekonomi Karl Marx yang memperjuangkan kesamaan taraf manusia (masyarakat tanpa kelas dan kasta) dan percaya bahawa kapitalisme akhirnya diambil alih oleh sosialisme. Ideologi ini menurut Netton satu ideologi yang anti-Barat dan anti Kapitalis yang menjadi semakin popular dalam dunia Islam terutama di Timur Tengah. *Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007, h. 1000. Bandingkan dengan Netton, *Encyclopedia of Islamic Civilisation and Religion*, h. 394.
- ⁶ Dalam *Kamus Dewan* perkataan *isme*; adalah akhiran asing yang berkaitan dengan kepercayaan, gerakan politik atau keagamaan, juga sikap dan perlakuan. Contohnya istilah radikalisme dan komunisme. Berdasarkan penelitian al-Attās, perkataan isme ini sekiranya disandarkan kepada sekular (*'ilmāni*), pasaran modal (*ra'su al-māl*), sosial (*ijtīmā'i*) atau nihil (*'adam*). Maka ia masih dalam lingkungan pemikiran (*al-fikrāniyyah*). Namun, apabila ia disandarkan kepada realiti (*al-wāqi'i*) atau rasional (*'aqli*), maka ia tidak termasuk dalam bentuk pemikiran seperti di atas. Oleh itu, dibolehkan menggunakan istilah *'Aqlāniyyah al-Islāmiyyah*, tetapi tidak boleh disandarkan kepada *'ilmāniyyah al-Islāmiyyah*. Lihat Sayyid Muhammad Naqib al-'Attās, *Mudākhalāt Falsafah fi al-Islām wa al-'Ilmāniyyah*, terj. Muhammad Tāhir al-Misāwi, Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought And Civilization (ISTAC), 2000, h. 73. Lihat juga *Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007, h. 590.

Walaupun sistem pendidikan umat Islam menampakkan kemajuannya dalam pelbagai sudut, namun ia masih dalam aliran perubahan kepada yang lebih baik. A.L Tibawi dalam bukunya *Islamic Education Its Traditions and Modernization into the Arab National Systems* turut membincangkan perkembangan pendidikan kebanyakan negara-negara umat Islam yang semakin terbuka selepas Perang Dunia II, khususnya setelah mendapat kemerdekaan daripada kuasa penjajah⁷. Kesan peninggalan penjajah menyebabkan berlakunya beberapa kecelaruan dalam pemikiran pendidikan umat Islam. Untuk mengatasi masalah itu, cendekiawan Muslim seluruh dunia hadir ke kota suci Mekah dalam Persidangan Sedunia Pertama Tentang Pendidikan Islam tahun 1977 dengan tujuan mencari penyelesaian terhadap kecelaruan yang berlaku.⁸ Akhirnya sebuah buku karangan Syed Sajjad Husain dan Syed Ali Ashraf yang bertajuk *Crisis in Muslim Education* tahun 1979 berjaya diterbitkan di Universiti Raja Abdul Aziz, Jeddah.⁹ Reaksi terhadap permasalahan pendidikan umat Islam bukan sahaja bermula pada persidangan tersebut, bahkan sepuluh tahun sebelum itu telah pun dibincangkan oleh para ilmuwan Islam seperti Abū Ḥasan ‘Alī al-Nadwī¹⁰ dalam buku beliau *Nahwu al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah al-Hurrah* sebagai usaha membebaskan sistem pendidikan umat Islam daripada dimasuki anasir luar dan ideologi asing serta menyediakan jalan penyelesaiannya. Berdasarkan penelitian al-Fārūqī, teras kepada permasalahan yang berlaku berpunca daripada kelemahan dalam

⁷ A.L. Tibawi, *Islamic Education Its Traditions and Modernization into the Arab National Systems*, London: Lucaz & Company Ltd. 1972.

⁸ Menurut Abdullah Omar Naseef iaitu Timbalan Rektor Universiti King Abdul Aziz dalam ucapan pendahuluan buku *Crisis in Muslim Education* oleh Syed Sajjad Husain & Syed Ali Ashraf, kebanjiran metodologi Barat moden serta konsep sekular Barat telah menguasai semua cabang pengetahuan. Untuk itu, usaha-usaha perlu dilakukan oleh cendekiawan Islam untuk mencari jalan, merencanakan konsep-konsep serta mencipta metodologi Islam dalam memperkasakan pendidikan ummah seluruhnya.

⁹ Syed Sajjad Husain & Syed Ali Ashraf, *Krisis Dalam Pendidikan Islam*, terj. Mas'ood Abdul Rasyid, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989. Buku ini merupakan kesinambungan Persidangan Sedunia Pertama Tentang Pendidikan Islam, yang berlangsung pada 20 Mac-8 April 1997 bersamaan 12-20 Rabiul Thani 1937 H. Persidangan yang diadakan di kota suci Mekah dianjurkan oleh Universiti Raja Abdul Aziz, Jeddah.

¹⁰ Al-Sayyid Abū al-Hassan ‘Alī al-Nadwī, *Nahwu al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah al-Hurrah fī al-Hukūmāt wa al-Bilād al-Islāmiyyah*, Lucknow: Dār al-Irsyad, 1969.

pendidikan umat Islam itu sendiri.¹¹

Zaiuddin Sardar dalam karyanya amat analitikal dan kritis dalam permasalahan ini. Dalam buku '*Ilm and the Revival of Knowledge*', Sardar membawa perbincangan dalam konteks pendidikan yang lebih terkini dengan melihat kelompongan dalam sistem pendidikan umat Islam serta institusinya. Beliau berusaha memaut dan mendekatkan kembali pola pemikiran tokoh-tokoh Islam agar bersedia menghadapi cabaran dunia semasa yang lebih hebat, di samping penubuhan universiti Islam yang lebih bermakna dan efisien.¹² Menurut Muḥammad Quṭb, bukan setakat dalam bidang pendidikan, kerosakan telah memusnah sendi kehidupan umat Islam umumnya termasuklah kerosakan dalam pemikiran, tingkah laku, politik, sosial, moral, seni budaya dan sebagainya lagi. Beliau membicarakan kerosakan dan keceluaran ini dalam karyanya *Jāhiliyyah al-Qarn al-‘Isyrīn* (Jahiliyah Abad Dua Puluh)".¹³

Permasalahan ini juga telah dirasai oleh ilmuwan Muslim zaman kini. Al-Faruqi dalam pengamatannya menyebut bahawa sistem pendidikan umat Islam merupakan suatu tragedi yang paling teruk sekali dan memudaratkan".¹⁴ Menurut

¹¹ Ismail Raji al-Fārūqī, *Islamization of Knowledge: General Principles And Workplan*. Washington: International Institute of Islamic Thought (IIIT), 1982, h. 5. Lihat juga Abdul Halim Ramli, *Memahami Islamisasi Ilmu Dari Pemikiran Prof. Ismail Ragi Al-Faruqi*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, 2007, h. 63.

¹² Dalam perbincangan buku ini, Sardar membahagikan kepada dua bahagian. Pertama dengan tajuk rekonstruksi ilmu pengetahuan Islam. Manakala bahagian kedua ialah reformasi pendidikan Islam yang membahaskan tentang pendidikan sebagai imperialisme Barat, mendidik kembali intelektual Muslim, gagasan reformis dan intelektual Muslim, mendirikan Universiti Islam sebagai model praktis, juga membahaskan peradaban buku. Lihat Ziauddin Sardar, *Merombak Pola Fikir Intelektual Muslim*, terj. Agung Prihantoro & Fuad Arif Fudyartanto, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2000.

¹³ Selanjutnya boleh merujuk Muhammad Quthb, *Jahiliyah Abad Dua Puluh Mengapa Islam Dibenci*, Bandung: Pustaka Mizan, 1985. Berkaitan permasalahan ini, bandingkan dengan Yusuf al-Qaradhawi, *Kepincangan Umat Islam Masalah dan Penyelesaian*, terj. Mohd. Fakhruddin Abdul Mukti, Kuala Lumpur: Pustaka ALHAS (M) Sdn. Bhd., 2002.

¹⁴ Ismail Al-Faruqi, "Universiti Islam: Masalah Dan Hasrat" dalam *Pemikiran Islam Al-Faruqi*, Ismail Al-Faruqi dan Lois Lamya' Al-Faruqi, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, h. 50.

Seyyed Hossein Nasr antara punca kecelaruan dan kemunduran sistem pendidikan umat Islam di sebahagian besar negara-negara Islam kini adalah kerana pengabaian kepada visi klasifikasi ilmu yang selari dengan asas intelektual Islam sebagaimana yang telah dirintis oleh para intelektual Muslim di zaman silam tersebut.¹⁵ Manakala al-Nadawi kurang yakin dengan sistem pendidikan umat Islam sedia ada. Menurut beliau, umat Islam gagal menunjukkan sistem pendidikan yang berpaksikan kepada akidah, risalah dan dakwah. Sistem ini masih tidak wujud di dalam negara umat Islam lebih-lebih lagi dalam sistem pendidikan Barat.¹⁶

Situasi yang sama juga berlaku di Malaysia seperti mana yang dirasai oleh beberapa ilmuwan terhadap kelompongan dalam pelaksanaan sistem pendidikan di Malaysia. Kerisauan yang digambarkan oleh Sidek Baba tentang ketaksuban terhadap satu bidang dan mengabaikan bidang yang lain. Dalam pada itu, pembangunan pendidikan di Malaysia juga memerlukan kepada perancangan yang teliti serta berdasarkan falsafah pendidikan yang berkualiti. Oleh itu, matlamat Falsafah Pendidikan Negara (FPN) “membangun peribadi yang seimbang dan harmonis” mestilah menepati nilai sepadu dan islamik. Maka ketaksuban ilmu sains semata-mata akan membawa padah sehingga meninggalkan faktor holistik dan integratif dalam ilmu agama, ilmu sejarah dan budaya yang menemukan jati diri umat Islam itu sendiri.¹⁷

Namun begitu, sistem dualisme dalam pendidikan juga masih kukuh. Menurut Abdul Halim Hj. Mat Diah, pendidikan umat Islam tidak merujuk kepada

¹⁵ Seyyed Hossein Nasr (1992), “Kata Pengantar” dalam Osman Bakar, *Classification of Knowledge In Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, h. xi.

¹⁶ Abu Hasan Ali al-Nadwi, *Nahwu al-Tarbiyyah al-Islamiyyah al-Hurrah*, 1969, h. 7-8.

¹⁷ Sidek baba, “Globalisasi Dan Cabaran Pendidikan Islam” dalam *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam di Malaysia*, Suzalie Mohamad, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2003, h. 11-12.

falsafah pendidikan Islam yang sebenar.¹⁸ Permasalahan ini turut disebut oleh Muhammad Kamal Hasan berkaitan kesamaran tentang falsafah pendidikan Islam. Apabila falsafah pendidikan tidak dinilai dengan secermat mungkin, kesepaduan antara ilmu dunia dan akhirat seperti yang diamalkan dalam Islam tidak akan berlaku, bahkan menjauhkan penghayatan akidah pelajar. Terdapat ilmu-ilmu alam dan tabii yang diajar memaparkan pandangan alam sekular dan skeptis di mana agama dan tauhid tidak diberikan tepat yang sepatutnya. Manakala pelajar pula akan terpengaruh dengan ideologi asing yang berselindung di sebalik disiplin ilmu yang diajarkan di universiti-universiti. Banyak mata pelajaran yang diajar di universiti namun tidak membawa kesedaran pelajar bahawa Allah yang berperanan mewujudkan kejayaan (*al-falah*), kerugian (*al-khusrān*) atau kecelakaan.¹⁹

Hal ini turut dikongsi oleh Abdul Halim El-Muhammady, membawa kecelaruan berterusan ini membawa kepada terpesong daripada sistem pendidikan asal Islam, lebih merujuk kepada asas pendidikan orang lain (Barat), dan bukan mengikut pembahagian dan penekanan yang ditentukan oleh Islam. Akhirnya melahirkan manusia yang tidak jelas peribadi dan pembawaannya, sekalipun di segi kebendaan dan keintelektualannya adalah tinggi.²⁰ Manakala menurut Muhammad Syukri Salleh, suatu dilema yang dihadapi oleh intelektual Islam dari segi pengaplikasian sistem pendidikan ummah, sama ada ingin mengikuti acuan pendidikan Barat disebabkan kemajuan yang diterokainya atau melahirkan dekolonialisasi dalam pendidikan disebabkan acuan yang dibawa oleh Barat itu mempunyai kerosakan yang berterusan kepada kehidupan umat Islam. Lantas sistem

¹⁸ Abdul Halim Hj. Mat Diah, *Pendidikan Islam di Malaysia Sejarah dan Pemikiran*, Kuala Lumpur: ABIM, 1989, h. 36.

¹⁹ Muhammad Kamal Hassan, *Pendidikan Dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu*, Kuala Lumpur: Nurin Interprise, 1988, h. 12.

²⁰ Abdul Halim El-Muhammady, *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin Dan Peranan Pendidik*, Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam, 1991, h. 13.

pendidikan umat Islam perlu dibentuk berdasarkan acuan tasawur Islam yang sebenar.²¹

Namun permasalahan juga timbul apabila sistem yang tidak keseluruhan islamik ini diboikot oleh sejumlah pendidik. Menurut Ghazali Basri walaupun dalam konteks Malaysia bukan seratus peratus islamik namun pendidik mempunyai peranan dalam banyak ruang yang disediakan. Sikap memboikot dengan alasan sistem pendidikan yang tidak islamik adalah merugikan umat Islam itu sendiri.²²

Justeru itu, sistem dan prinsip pendidikan yang salah akan memberi kesan kepada pembentukan individu Muslim. Berlakulah apa yang disebut kecelaruan dalam akidah dan pegangan agama, kecelaruan jiwa, kerosakan akhlak dan sebagainya. Semua ini memerlukan usaha dan perancangan yang menyeluruh oleh umat Islam seluruhnya. Kebergantungan ideologi dan prinsip Barat dalam membentuk peribadi Muslim sebenarnya boleh menghancurkan masa depan umat Islam itu sendiri.

1.2.1 Kecelaruan akidah

Sistem pendidikan umat Islam yang lemah membawa kepada kecelaruan dalam berakidah. Kecelaruan akidah yang berlaku di kalangan umat Islam seperti faham akidah yang salah, tidak menjaga sensitiviti terhadap akidah orang yang diseru, gagal membezakan mana yang terpenting dari yang penting, urusan politik dan ehwal agama, mementingkan perkara-perkara yang *furu'* (cabang) berbanding perkara-perkara *uṣūl* (asas) dan sebagainya. Kecelaruan ini akhirnya membentuk salah faham

²¹ Muhammad Syukri Salleh, "Dekolonisasi Pendidikan: Satu Kenescayaan", *Siri Kertas Isdev* no. 30, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pulau Pinang: USM, 2012, h. 1-7.

²² Ghazali Basri, *Falsafah Pendidikan Islam Huraian Konsep Dan Aplikasi*, cet. 2, Bandar Seri Begawan: Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, 2012, h.185.

terhadap maksud dan tujuan pengajian akidah yang sebenar iaitu untuk mengukuhkan keimanan umat Islam bagi mengenal Allah Yang Maha Esa. Akhirnya melahirkan sifat negatif di kalangan umat Islam seperti tuduh menuduh, nafi menafi, menfasikkan orang lain dan juga mengkufurkan saudara seislamnya yang lain seperti mana yang berlaku dalam catatan sejarah umat Islam.²³

Kecelaruan akidah yang paling besar merujuk kepada syirik kepada Allah SWT. Dalam sejarah umat Islam, tabiat syirik yang berlaku pada zaman terdahulu kebiasaananya berlaku dalam ibadah. Mereka menyekutukan Allah dalam aspek *rubūbiyyah* Allah yang membawa kepada syirik kepada Allah dalam ibadah.²⁴ Manakala pada zaman moden ini berbentuk isme-isme asing faham Materialisme (*al-Mādiyyah*),²⁵ yang berpegang dengan faham Komunisme iaitu ingkar tentang kewujudan Allah dan segala yang ghaib, menjadikan kebendaan sebagai asas dan syiar segala sesuatu. Tokohnya seperti Karl Marx, Stalin dan Lenin. Golongan ini mengingkari 3 perkara iaitu Allah, agama dan konsep bahawa insan itu dimiliki oleh Allah.²⁶ Begitu juga faham Sekularisme (*al-'Ilmāniyyah*). Menurut al-Hawālī, Sekularisme telah membentuk cara fikir yang membezakan Allah dengan perlakuan

²³ Khālid Mahjūb, “al-Ab’ad al-Tarbawi li al-Darsi al-‘Aqīdah ‘Inda al-Nursi”, dalam *Majalla Nūr li al-Dirāsāt al-Hadāriyah wa al-Fikriyah*, thn. 2, Februari 2011, bil., 3, h. 1, Asās al-Tarbiyyah fī Rasāil al-Nūr, dalam www.nurmajalla.com. Diakses pada 21/2/2012.

²⁴ Sesetengah mereka mensyirikkan Allah dalam ibadah para solihin. Ada juga yang menyembah berhala, ada juga yang menyembah bintang-bintang, kosmos di langit. Mereka mensyirikkan Allah dengan menyembah hawa nafsu, dan ada juga yang menyembah para *Ahbāriyyūn* (gelaran yang digunakan kepada alim ulama terdahulu di kalangan bangsa Yahudi) dan *Rahbāniyyūn* (golongan yang meninggalkan nikah dan pekerjaan dan asyik dengan ibadah) di kalangan mereka. Selanjutnya lihat Abū Bakr Muḥammad Zakariyā, *al-Syirk fī al-Qadīm wa al-Hadīh*, juz. 1, Riyād: Maktabah al-Rusyd, 2001, h. 289-290. Berkaitan istilah di atas, lihat *Mu’jam al-‘Arabi al-Asāsi*, al-Munazzomah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm, Tunis: Larus, 1988, h. 286. Lihat juga Muḥammad Rawās Qal’ah Jī, *Mu’jam al-Fuqahā*, Beirut: Dār al-Naṭa’is, 1996, h. 203.

²⁵ Dari sudut akhlak, ia berkecenderungan bahawa kebaikan kebendaan sahaja yang perlu dicapai oleh setiap insan. Mazhab *al-Mādiyyah* (Materialisme) dalam sejarah dipelopori oleh Karl Marx. Beliau menyimpulkan bahawa ekonomi adalah asas kepada kelahiran sejarah dan kemasyarakatan. Lihat *al-Mu’jam al-Falsafī*, Jamhūriyyah al-Miṣr al-‘Arabiyyah, Kaherah: al-Hai’ah al-‘Ammah li Syu’ūn al-Maṭābi’ al-Amīriyyah, 1983, h. 164.

²⁶ Abū Bakr Muḥammad Zakariyā, *al-Syirk fī al-Qadīm wa al-Hadīh*, 2001, h. 691.

manusia atau ibadatnya, memisahkan dunia dengan akhirat seperti kata Muhammad Asad “memisahkan insan dengan Penciptanya”. Sebenarnya ia membawa kepada syirik dalam ibadat, tidak diterima dan tidak direndai Allah SWT.²⁷ Kegelohanisme-isme asing ini telah memberi kesan kepada urusan dan sistem kemasyarakatan umat Islam yang dijajah tidak terkecuali dalam pendidikan umat Islam.

Kajian Hasnah Hussiin mendapati ada sesuatu yang tidak kena dalam sistem pendidikan yang sedia ada sehingga berlakunya penglibatan remaja dalam rompakan, pembunuhan, buli, maksiat, rasuah, pecah amanah, penipuan, penyalahgunaan kuasa serta pelbagai salah laku yang memberi kesan kepada pembangunan dan keselamatan negara.²⁸ Namun begitu, menurut Shaik Abdullah Hassan pula, kegagalan sistem pendidikan negara bukanlah faktor utama menyumbang kepada permasalahan tersebut, bahkan ia boleh dikaitkan dengan faktor-faktor yang pelbagai seperti kemelesetan ekonomi dan juga tadbir urus negara yang lemah.²⁹

Dari sudut yang lain, persoalan akidah tidak lagi menjadi keutamaan dalam pendidikan, manakala sikap hanya mengutamakan ilmu sains dan teknologi semata-mata telah berjaya membelakangi nilai dan adat budaya asal bangsa yang dijajah. Sekali gus melemahkan zat kedirian yang asal iaitu umat Islam yang memiliki nilai-nilai agama yang kukuh.³⁰ Nursi dalam *al-Lum'āt* mengingatkan semua bahawa

²⁷ Safar bin 'Abd al-Rahmān al-Hawālī, *al-'Ilmāniyyah Nasyatuhā wa Tatawwuruhā wa Athāruhā fi al-Hayāt al-Islāmiyyah al-Mu 'āṣarah*, t.t.t.: Dār al-Hijrah, t.t., h. 699.

²⁸ Hasnah Hussiin, “Pendidikan Sains Sosial Dan Kemanusiaan Tetap Relevan Jika Kita Anak Remaja” dalam *Jurnal Pemikir*, Bil. 63 Januari-Mac 2011, h. 99.

²⁹ Shaik Abdullah Hassan Mydin, “Persepsi Dan Pandangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Negeri Pulau Pinang Terhadap Penghayatan al-Din al-Islam: Satu Kajian Kes” Universiti Sains Malaysia, (Tesis PhD, tidak diterbitkan), 2010, h. 3.

³⁰ Hj. Awang Yahya Hj. Ibrahim, Pendidikan agama: Tuntutan Dan Keperluan dalam *Koleksi kertas Kerja Majlis Ihya' al-Tarbiyyah al-Diniyyah 2008-2011*, Brunei: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, 2011, h. 1.

kelemahan akidah umat Islam berpunca daripada kerosakan hati, kesesatan ilmu dan falsafah Barat yang kian menular dalam benak pemikiran umat Islam.³¹

1.2.2 Keceluaran jiwa

Dalam aspek yang lain, kelemahan dalam pendidikan umat Islam akan mengakibatkan keceluaran jiwa yang amat teruk. Penyakit ini menjadi barah dalam proses membangunkan kembali tradisi ketamadunan Islam. Malik Bennabi dalam penelitiannya mengingatkan bahawa penyakit ini akan menyerap masuk ke dalam jasad masyarakat dan memecahbelahkan rangkaian hubungannya. Kemudiannya menjalar ke jasad-jasad dan terus merebak ke dalam masyarakat. Penyakit yang menjangkiti diri manusia seperti takabbur dan sikap memuaskan keinginan nafsu yang menenggelamkan nilai diri manusia itu sendiri. Ia makin merebak akibat wujudnya kecenderungan faham Individualisme dalam diri umat Islam.³²

Pengalaman di Barat menjadi cerminan kepada umat Islam bahawa kekuatan kebendaan bukanlah penyelesai terhadap segala-galanya. Yusuf al-Qardawi dalam menganalisis kemajuan tamadun Barat menyebut, situasi yang berlaku terhadap masyarakat Eropah dan Amerika ialah kekosongan jiwa dan kegelisahan berterusan yang masih berlaku, walau pun memiliki segala bentuk kesenangan, kemudahan dan kesejahteraan. Justeru itu, apa yang menjadi kegelisahan mereka dan kenapa terlalu benci dengan diri mereka sendiri sehingga memusuhi kehidupan?³³

³¹ Badi' al-Zamān Sa'īd Nursī, *al-Lumu'āt*, terj. Ihsān Qāsim al-Šāliḥī, cet. 2, Kaherah: Dār al-Nayl li al-Tibā'ah wa al-Nasyr, h. 160. Rujukan seterusnya sebagai Nursī, *al-Lumu'āt*.

³² Malik Bennabi, *Asal Usul Masyarakat Manusia Rangkaian Hubungan Sosial*, terj. Muhammad Uthman El-Muhammady, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, 2007, h. 52-53. Selanjutnya dirujuk sebagai Malik Bennabi, *Asal Usul Masyarakat Manusia*.

³³ Yusuf al-Qardhawi, *Tamadun Islam Alternatif Masa Depan*, terj. Hj. Juanda Hj. Jaya, Bangi: Maktabah al-Qardhawi, 1999, h. 74. Selanjutnya dirujuk sebagai Yusuf al-Qardhawi, *Tamadun Islam Alternatif Masa Depan*.

Kecelaruan jiwa yang berterusan ini akan memberi kesan terhadap pembangunan ilmu dan kemerosotan jiwa, dan sosial masyarakat. Syed M. Naquib al-Attas mengingatkan bahawa kehilangan adab dan kebingungan dalam bidang ilmu akan merosakkan susunan akhlak dan pendidikan sesuatu masyarakat, yang tentunya akan memberi kesan kepada peribadi, struktur sosial dan kebudayaan.³⁴

1.2.3 Kecelaruan akhlak

Kecelaruan akhlak juga berhungkait dengan kelemahan jiwa insan itu sendiri. Kelemahan mengawal nafsu akan menjerumuskan manusia kepada perlakuan yang menyalahi syarak. Menurut Nursi, punca permusuhan yang berlaku di kalangan manusia hari ini disebabkan kealpaan manusia tentang hakikat nafsu dan sifat-sifatnya serta gagal untuk mendidik, menjaga dan menyucikannya.³⁵ Apabila nafsu tidak terjaga, maka mudah untuk dihinggapi penyakit-penyakit hati. Nursi dalam *al-Lum'āt* menyebut, “apabila tipu daya (*ghurūr*) dan keegoan (*anāniyyah*) mendiami dalam diri, maka akan berlakulah perbalahan dan perselisihan menggantikan permuafakatan dan kasih sayang serta tiada keikhlasan”.³⁶

Bagaimana untuk membentuk akhlak manusia yang bertakwa di sisi Allah SWT sedangkan acuan didikan yang dibentuk itu menyalahi tasawur Islam. Maka akan lahirlah manusia yang rosak akhlaknya atau pun manusia yang baik namun dinilai dari sudut pandang yang pelbagai. Kepelbagaiian pandangan ini pula melihat kepada latar kehidupan, keperluan serta matlamat yang ingin dicapai. Sebagai

³⁴ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naguib al-Attas Satu Huraian Konsep Islamisasi Ilmu*, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2005, h. 137. Selanjutnya dirujuk sebagai Wan Mohd Nor Wan Daud, *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naguib al-Attas*.

³⁵ 'Abd al-Karim al-'Akiwi, "al-Maqāṣid al-'Amaliyah li al-Tarbiyah al-Sulūkiyah 'Inda Badi' al-Zamān al-Nursī", dalam *Majalla al-Nūr li al-Dirāsāt al-Hadāriyyah wa al-Fikriyyah*, thn. 2, Julai 2011, bil. 4, Asās al-Tarbiyah fi Rasā'il al-Nūr, h. 11. Selanjutnya lihat www.nurmajalla.com. Diakses pada 21/2/2011.

³⁶ Nursi, *al-Lum'āt*, h. 207.

contoh, matlamat pendidikan di Barat berusaha melahirkan warganegara yang baik, namun dalam Islam matlamat pendidikan untuk membentuk manusia yang bertakwa kepada Allah SWT. Oleh itu, pendidikan yang sebenarnya merupakan pendidikan yang menyeluruh terhadap unsur jiwa manusia, akal dan jasmani yang terangkum dalam kemuliaan manusia. Semua ini akan berpadu menggerakkan akhlak yang baik di sisi Allah SWT. Namun tidak ramai yang dapat mengawal dan merangkumkan unsur-unsur tadi membentuk akhlak yang baik. Ada juga insan yang hanya mementingkan unsur *nafsāni*³⁷ dan mengabaikan unsur jasmani. Untuk itu, insan *nafsāni* hendaklah menjadi nakhoda kepada insan jasmani, sekiranya insan *nafsāni* bergerak dengan merosakkan bahteranya, maka akan berlakunya krisis manusia di dunia, serta menjadi kerugian besar di akhirat.³⁸

Justeru itu, kerosakan hati seperti mana yang dibangkitkan oleh Nursi itu semakin melebar dan terus menjalar menjadi krisis umat Islam seluruh dunia.³⁸ Hal yang sama dijelaskan oleh al-Nadwi sebagai masalah dalaman umat Islam yang semakin parah yang mampu menggugat akar keimanan umat Islam itu sendiri.³⁹ Apa yang diutarakan ini sebenarnya menunjukkan kelemahan unsur dalaman umat Islam yang sudah pasti akan dikaitkan dengan nafsu, akal, jiwa dan juga hati yang tidak berfungsi sebaik mungkin kepada tuannya. Kelemahan hati menular membentuk akhlak yang buruk dan akhirnya mencukupi membentuk seorang Muslim yang lemah iman dan sahsiahnya. Dengan itu, mudah bagi kolonial Barat untuk menjajah umat Islam. Akhirnya, terhasil satu sindrom kronik seperti yang diterjemahkan oleh Malik

³⁷ Mohd. Sulaiman Hj. Yasin, *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Konsep Kerohanian*, cet. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, h. 11.

³⁸ Nursi, *al-Lum'āt*, h. 207.

³⁹ Siddiq Fadzil, "Abu Hasan Ali al-Nadwi: Tema-Tema Besar Pemikirannya" dalam *Abu Hasan Ali al-Nadwi Pemikiran & Perjuangannya*, peny. Md Sidin Ahmad Ishak, Kuala Lumpur: ABIM, 2001, h. 73-74.

Bennabi “kesediaan dan kerelaan umat Islam untuk dijajah” (*al-qābiliyyah li al-isti'mār*).⁴⁰

Menyedari penyakit yang rancak melanda umat Islam kini, cendekiawan Islam bangkit berhimpun membincangkan dan mencari jalan untuk menyelesaikan kekusutan ini sama ada melalui perbincangan ilmiah, penulisan buku-buku dan makalah tentang kesedaran pendidikan Islam dalam konteks yang asli serta mencari perawatan terhadap permasalahan yang berlaku. Perbincangan demi perbincangan dibuat bagi merealisasikan matlamat pendidikan umat Islam. Kepelbagaiannya kekayaan sesetengah negara Islam serta keunikan masyarakat Islam seluruh dunia masih belum mampu membangkitkan kembali pendidikan umat dengan sistem yang penuh sempurna.

Justeru itu, berlakulah Persidangan Pertama Sedunia Mengenai Pendidikan Islam yang pertama di adakan di Mekah seperti yang dibincangkan di atas. Seterusnya Persidangan Untuk Menyelesaikan Masalah Ummah di Switzerland. Kedua-duanya berlangsung pada tahun 1977. Diikuti Persidangan Pendidikan di Islamabad tahun 1980, Dhaka tahun 1981, Jakarta tahun 1982, dan Kaherah tahun 1985. Begitu juga persidangan berkaitan Islamisasi Ilmu di Islamabad tahun 1982, Kuala Lumpur tahun 1984 dan Khortoum tahun 1987 dan Durban, Afrika Selatan 1996. Persidangan-persidangan tersebut telah menegaskan bahawa setiap Muslim bertanggungjawab menangani masalah dualisme dan sekularisme dalam pendidikan dan kehidupan. Kedua-dua masalah ini perlu di atasi melalui pendidikan yang bersepadau dan ilmu yang bersepadau.⁴¹ Begitu juga, permasalahan ini turut

⁴⁰ Siddiq Fadzil, “Abu Hasan Ali al-Nadwi: Tema-Tema Besar Pemikirannya” dalam *Abu Hasan Ali al-Nadwi Pemikiran & Perjuangannya*, 2001, h. 73.

⁴¹ Mohd Yusuf Othman, *Dualisme Dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1996, h. iii-iv.

diketengahkan oleh cendekiawan Islam di Malaysia yang mengenal pasti bahawa kelemahan umat Islam dewasa kini adalah disebabkan kelemahan dalam sistem pendidikan dualisme iaitu sistem pendidikan yang bersifat tradisional keagamaan semata-mata dan dari sudut yang lain pengkajian sains moden Barat yang bersifat sekular, yang masih berlaku di negara orang Islam sendiri. Sistem pendidikan tersebut telah menyebabkan para pelajar Muslim terpisah daripada visi Islam dan sekali gus jauh daripada sejarah keagungan tamadun dan peradaban Islam.⁴²

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bangi mengambil inisiatif mengadakan seminar khusus tentang perkembangan dan permasalahan sistem pendidikan Islam khususnya di Malaysia. Penyeragaman falsafah pendidikan, miatlamat serta kurikulum pendidikan Islam hendaklah dilaksanakan bermula dari pondok, sekolah hingga ke universiti. Di samping itu kaedah pengajarannya hendaklah tepat memenuhi keperluan semasa serta urus tadbirnya yang tersusun.⁴³

Sistem pendidikan moden hari ini khususnya pendidikan Barat memberikan penilaianya yang tinggi kepada kemampuan akal, empiris dan rasionalis sehingga nilai moral dan agama dipinggirkan. Hatta pendidikan yang dominan di negara orang Islam sekarang pun rata-rata diwarnai oleh sistem ini. Begitu juga dalam sistem pendidikan di Malaysia, berbagai usaha dilakukan bagi mengatasi dualisme dalam sains tulen atau sistem pendidikan negara umumnya. Maka penyelesaiannya ialah

⁴² Mohd Nasir Omar, *Gagasan Islamisasi Ilmu*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors, 2005, h. 42.

⁴³ Buku *Pendidikan Islam Malaysia* merupakan koleksi kertas kerja Seminar Pendidikan Islam Malaysia I hingga V yang diadakan sejak tahun 1972 hingga 1988. Seminar ini anjuran Sekretariat Tetap Seminar Pendidikan Islam Malaysia, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi. Selanjutnya lihat Ismail Ab. Rahman, *Pendidikan Islam Malaysia*, cet. 2, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993.

kembali kepada pendekatan Islam.⁴⁴ Dalam hal ini, Syed Muhammad Naquib al-Attas turut menyatakan bahawa cabaran yang dihadapi oleh umat Islam ialah kerosakan ilmu. Ianya berlaku akibat kekeliruan umat Islam mengenainya serta juga meresapnya bermacam pengaruh yang datang dari falsafah dan sains serta cara dan gaya ekonomi, politik, kebudayaan dan tamadun Barat moden.⁴⁵

Islam sebagai penyelesaian terhadap permasalahan ummah maka diketengahkan beberapa cadangan dan buah fikiran dalam merungkai masalah pendidikan umat Islam. Antaranya, al-Faruqi yang menzahirkan “Islamisasi Ilmu”. Kemudiannya, konsep ini dibincangkan lagi secara mendalam oleh ilmuwan kini seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas⁴⁶ Muhammad Mumtaz Ali,⁴⁷ Mohamed Aslam Haneef⁴⁸ dan Mohd Nasir Omar.⁴⁹ Menurut al-Faruqi, islamisasi ilmu itu berlaku berdasarkan dua prinsip utama iaitu:⁵⁰

- a. Penyatuan dua sistem pendidikan: Pendidikan agama dan pendidikan sekular. Ia bermula di peringkat rendah, menengah dan universiti. Sistem pendidikan Islam mesti dibawa bersama misi. Misi tersebut ialah untuk menerapkan visi

⁴⁴ Mohd Yusuf Othman, “Sains Tulen: Suatu Pendekatan Untuk Mengatasi Dualisme Dalam Pendidikan Sains” dalam *Dualisme Dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1996, h. 12.

⁴⁵ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu Dan Pandangan Alam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2007, h. 41.

⁴⁶ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Concept of Education in Islam: A Frame-Work for an Islamic Philosophy of Education*, Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM), 1980.

⁴⁷ Muhammad Mumtaz Ali, *The History And Philosophy of Islamization of Knowledge A Preliminary Study of Pioneers' Thoughts*, Gombak: IIUM Press, 2010.

⁴⁸ Mohamed Aslam Haneef, *A Critical Survey of Islamization of Knowledge Second Edition*, Gombak: IIUM Press, 2009.

⁴⁹ Mohd Nasir Omar, *Gagasan Islamisasi Ilmu*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors, 2005.

⁵⁰ Ismā'il Rāji'i al-Faruqi, *Islamization of Knowledge: General Principles And Workplan*. Washington: International Institute of Islamic Thought (IIIT), 1982, h. 9-10. Bandingkan dengan Al-Faruqi, *Pengislaman Ilmu*, terj. Mustafa Kasim, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, h. 14-15. Terdapat buku yang ditulis untuk menjelaskan lagi idea islamisasi ilmu al-Faruqi ini seperti tulisan Abdul Halim Ramli. Lihat Abdul Halim Ramli, *Memahami Islamisasi Ilmu Dari Pemikiran Prof. Ismail Ragi Al-Faruqi*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, 2007, h. 65-68.

Islam dan menyemarakkan semangat ummah untuk melaksanakan Islam dalam segenap ruang kehidupan.

- b. Menanam visi Islam dalam sistem pendidikan yang dibina. Ia bermaksud menyediakan pendidikan atas Islam kepada semua pelajar seperti tauhid, etika, sejarah, tamadun, undang-undang dan sebagainya. Ini sebagai persiapan dalam diri setiap Muslim seterusnya berani untuk berhadapan dengan hujah-hujah dari golongan yang berfahaman sekular.

Justeru itu, kemunculan Said Nursi di akhir kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniah hakikatnya mendahului konteks perbincangan tokoh-tokoh pendidikan di atas. Said Nursi telah pun berjuang melewati perjuangan jiwa dan raga semata-mata atas nama kemuliaan al-Quran dan menyuburkan iman. Beberapa permasalahan yang cuba dicungkil oleh Said Nursi. Menurut beliau, berlakunya pertelingkahan di kalangan ilmuwan Islam itu sendiri yang merencatkan penyuburan proses pendidikan umat Islam. Golongan agamawan yang tradisionalis dan ilmuwan yang modenis saling bermusuhan dan memperbodohkan antara satu sama lain. Dengan itu, beliau berusaha mencantumkan dan memperbaiki antara sekolah agama (*al-dīniyyah*), sekolah sains (*al-hadīthah*) dan sekolah tarekat (*al-takāyā*). Sekurang-kurangnya bersatu dalam mencapai tujuan (*al-maqṣad*). Apabila ia tidak disatukan akan timbul ketaksuhan yang melampau yang membawa kepada *ifrāt* (terlampau mengetat) dan

tafrīt (terlampau memudah).⁵¹ Sama ada dengan menyesatkan mereka atau dari pihak yang lain menjahilkan mereka.⁵²

Nursi menyebutnya sebagai suatu halangan dan bala yang menimpa umat Islam apabila bertembungnya zahir Islam dengan beberapa permasalahan dalam ilmu pengetahuan (salah faham berkaitan ilmu moden). Salah faham serta keraguan tentang hakikat ilmu menggerhanakan lagi sinar Islam. Bagaimana mungkin hamba boleh melawan tuannya, sedangkan Islam adalah tuan kepada ilmu-ilmu yang ada (termasuk ilmu sains moden).⁵³ Kedua-dua cabang ilmu ini sebenarnya masih dibawah lingkungan ilmu Allah SWT. Jalan terbaik ialah dengan menghimpun dua unsur utama iaitu jalan akal dan jalan hati bersekali. Menurut Nursi, akal sentiasa berdamping dengan hati dalam perjalanannya. Hati mencapai *musyāhadah* (penyaksian) dengan bantuan akal, manakala akal berfungsi membuktikan melalui *al-tamthīlī* (perumpamaan sekitar alam *al-kawn*) yang ada.⁵⁴ Hanya Allah yang Maha Menguasai segala yang di bumi dan di langit. Said Nursi memberikan perumpamaan yang cukup jelas. Ilmu agama diumpamakan cahaya hati, manakala ilmu sains moden diumpamakan cahaya akal. Gabungan kedua-dua ilmu ini akan terserlahlah hakikat kebenaran. Maka akan terlerailah kejumudan, keegoan, ateisme serta

⁵¹ *Ifrāt* bermaksud melampaui batas dalam aspek kesempurnaan dan pertambahan. Manakala *tafrīt* pula bermaksud melampaui batas dalam aspek kekurangan dan kelemahan. Lihat Ashraf Ṭahā Abū al-Dahab, *al-Mu'jam al-Islāmī al-Jawāhib al-Dīniyyah wa al-Siyāsah wa al-Ijtīmā'iyyah wa al-Iqtisādiyyah*, Kaherah: Dār al-Syurūq, 2002, h. 76 dan 167. Hal ini berlaku dalam masyarakat Islam dari aspek amalan dan juga keyakinan yang akhirnya boleh mendatangkan kekeliruan terhadap agama Islam. Jalan terbaik ialah melalui jalan pertengahan (*al-wasatiyyah*) antara *ifrāt* dan *tafrīt*.

⁵² Bādī' al-Zamān Sa'īd Nursī, *Sīrah Zātiyah*, terj. Ihsān Qāsim al-Šālihi, cet. 2, Kaherah: Dār al-Nayl li al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr, 2010, h. 542-543. Rujukan seterusnya sebagai Nursi, *Sīrah Zātiyah*.

⁵³ Bādī' al-Zamān Sa'īd Nursī, *Sayqal al-Islām*, terj. Ihsān Qāsim al-Šālihi, cet. 2, Kaherah: Dār al-Nayl li al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr, 2011, h. 21. Rujukan seterusnya sebagai Nursi, *Sayqal al-Islām*.

⁵⁴ Bādī' al-Zamān Sa'īd Nursī, *al-Mathnawī al-'Arabi al-Nūrī*, terj. Ihsān Qāsim al-Šālihi, cet. 2, Kaherah: Dār al-Nayl li al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr, 2011, h. 407. Rujukan seterusnya sebagai Nursi, *al-Mathnawī*.

ketaksuhan terhadap disiplin ilmu masing-masing.⁵⁵ Beliau sendiri mempraktikkan sistem ini di sekolahnya iaitu “Sekolah Khur Khur”. Manakala karya *Risālah al-Nūr* merupakan pendekatan integrasi menggabungkan ilmu agama dan ilmu sains moden.⁵⁶

Said Nursi menjadi tokoh penting dunia Islam abad ke 20. Kehebatan beliau mempertahankan Islam amat luar biasa sekali. Sebahagian besar hidupnya dihabiskan untuk perjuangkan nilai-nilai Islam berdasarkan pemikirannya yang logik dan di bawah naungan al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w. Kehebatan Said Nursi dalam menguasai ilmu pengetahuan amat luar biasa. Kekuatan beliau menguasai kitab-kitab besar yang muktabar seperti *al-Jam'u al-Jawāni*, *Syarh al-Mawāqif*, *Tuhfat al-Minhāj fī Syarh al-Minhāj* oleh Ibn Hajar al-Haithamī dan sebagainya lagi menyebabkan gurunya Syeikh Muḥammad al-Jalālī menganugerahkan ijazah kepadanya dengan gelaran “*Mullā Sa'īd*”.⁵⁷

Said Nursi juga menguasai buku-buku sains moden seperti matematik, fizik, astronomi, kaji hayat dan sebagainya dengan menghasilkan beberapa buah buku dalam disiplin ilmu tersebut. Kehebatan keilmuan beliau dalam dua disiplin ilmu yang berbeza ini serta kepetahan beliau menyampaikan hujah-hujah berkaitan ilmu agama dan juga ilmu sains moden menjadikan beliau digelar sebagai *Badi'* al-*Zamān* yang bermaksud “Keunggulan Zaman” pada usia beliau dalam belasan

⁵⁵ Nursi, *Sayqal al-Islām*, h. 21. Lihat juga Adam Taṭlı, “Nizām al-Tarbiyyah laday Badi' al-Zamān”, dalam *Badi' al-Zamān Sa'īd al-Nursī fī Mu'tamar 'Ālamī Hawla Tajādīl al-Fikr al-Islāmī*, 27-29 September 1992, Istanbul, terj. Urkhān Muhammed 'Alī, Istanbul: Nesil Basim Yayin, 1997, h. 108. Bandingkan juga dengan Syukran Wahidah (Marry Wild), “Muallafat Badi' al-Zamān ka Namūzaj li Taqdīm al-Islām ila al-Gharb”, dalam *Badi' al-Zamān Sa'īd al-Nursī fī Mu'tamar 'Ālamī Hawla Tajādīl al-Fikr al-Islāmī*, 27-29 September 1992, Istanbul, terj. Urkhān Muhammed 'Alī, Istanbul: Nesil Basim Yayin, 1997, h. 222-223.

⁵⁶ Urkhān Muhammed 'Alī, *al-Nursī Rajul al-Qadīr fī Hayāt al-Ummah*, Istanbul: Syarikat al-Nasyr li al-Ṭibā'ah, 1995, h. 25.

⁵⁷ Sukran Vahide, *The Author of the risale-i Nur Bediuzzaman Said Nursi*, Sozler Publication: Istanbul, 1992, h. 10-11. Lihat juga Mohamad Zaidin Mat, *Bediuzzaman Said Nursi: Sejarah Perjuangan dan Pemikiran*, Melita Jaya: Selangor, 2001, h. 13.

tahun.⁵⁸ Kredibiliti Said Nursi sebagai ilmuwan yang disegani dan pakar rujuk ulama-ulama semasa dengannya menyebabkan beliau dilantik menganggotai Darul Hikmah Islamiah iaitu sebuah organisasi di bawah kerajaan Turki yang dianggotai oleh sekumpulan ulama terpilih seluruh Turki yang bertujuan menjelaskan setiap persoalan yang ditimbulkan oleh rakyat serta menjawab serangan musuh atau tohahan asing.

Perjuangan Said Nursi juga bukan sahaja menentang musuh dalam berbentuk kejahilan umat Islam itu sendiri, bahkan juga musuh luaran umat Islam. Beliau dilantik menjadi Ketua Sukarelawan menentang tentera Rusia di wilayah Kaukasus dalam perang dunia pertama. Beliau hidup untuk mempertahankan iman umat Islam di zaman merebaknya faham materialisme dan sekularisme Barat yang meracuni pemikiran umat Islam di Turki.

Said Nursi juga terkenal di kalangan sarjana Islam dan juga Barat. Ungkapan puji-pujian yang diberikan kepada beliau menyerlahkan lagi kehebatan ilmu yang dimiliki. Oliver Leaman⁵⁹ menyatakan, "Said Nursi amat berbeza pendapat dengan golongan materialisme bahkan banyak menghabiskan masa berdebat dengan golongan ini. Beliau berpendapat materialisme membawa prinsip-prinsip rasional yang cacat kerana menafsirkan keduniaan dengan tidak benar". Menurut Syed Farid al-Attas,⁶⁰ "Said Nursi mewakili manusia baru dalam masyarakat Islam, apabila ilmu-ilmu sains moden disuburkan dalam sistem nilai ilmu-ilmu Islam dengan mengembalikan kecemerlangan Islam seperti zaman

⁵⁸ Nursi, *Sirah Zatiyah*, h. 28 dan 81. Lihat juga Mohamad Zaidin Mat, h. 20.

⁵⁹ Beliau merupakan seorang ilmuwan ternama di Universiti Kentucky, USA. Lihat <http://www.iikv.org/en/anecdotes>. Diakses pada 18/5/2014.

⁶⁰ Beliau merupakan Profesor di Universiti Kebangsaan Singapura. Beberapa penghargaan dan puji oleh ilmuwan seluruh dunia terhadap Nursi, boleh merujuk di <http://www.iikv.org/en/anecdotes>. Diakses pada 18/5/2014.

lampau". Merujuk kepada Bilal Kuspinar⁶¹ pula, "Said Nursi menyarankan agar manusia mengambil sikap positif hal-hal di sekitarnya dan melihatnya dari sudut dalaman (*internal*) dan tidak hanya dari sudut luarannya (*external*) sahaja. Maka, akan terpancarlah sinar keadilan dalam setiap makhluk. Dengan kekuatan rohani ini seolah-olah tanda yang jelas kebijaksanaan Allah SWT, keadilan, kemuliaan dan kerahmatanNya".

Medium terbesar untuk menjelaskan pemikiran beliau ialah melalui kitab tafsir al-Quran yang bertajuk *Risālah al-Nūr*. Said Nursi mentakrifkan secara terperinci dengan katanya, "*Risālah al-Nūr* adalah penghujahan yang luar biasa dan tafsir yang sangat berharga terhadap al-Quran *al-Karīm*. Ia juga merupakan sebuah kilatan yang memukau dari kemukjizatan maknawi al-Quran, setitis dari samudera al-Quran, secercah cahaya dari suria al-Quran, sebuah hakikat yang terilham dari khazanah ilmu hakikat. *Risālah al-Nūr* juga merupakan terjemahan maknawi yang bersumber dari limpahan makna al-Quran"⁶².

Takrifan di atas menjelaskan bahawa *Risālah al-Nūr* adalah pentafsiran makna-makna al-Quran yang membahaskan masalah-masalah dasar dalam kehidupan. *Risālah al-Nūr* dapat membangun keyakinan keimanan dengan menepis fahaman-fahaman keliru dan sikap yang lemah. *Risālah al-Nūr* membahaskan seputar makna-makna tauhid dengan berbagai bukti konkret, hakikat akhirat, kebenaran kenabian, keadilan syariah dan makna-makna lain yang menjadi tema

⁶¹ Beliau merupakan Profesor di McGill Universiti, Kanada, <http://www.iikv.org/en/anecdotes>. Diakses pada 18/5/2014.

⁶² Badi' al-Zamān Sa'id Nursi, *al-Kalimat*, terj. İhsan Qāsim al-Şālihi, cet. 2, Kaherah: Dār al-Nayl li al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr, 2011, h. 417-418 ; Badi' al-Zamān Sa'id Nursi, *al-Malāhiq fī Fiqh Da'wah al-Nūr*, terj. İhsan Qāsim al-Şālihi, Kaherah: Dār al-Nayl li al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr, 2010, h. 199 ; Badi' al-Zamān Sa'id Nursi, *al-Syu'a'*, terj. İhsan Qāsim al-Şālihi, cet. 2, Kaherah: Dār al-Nayl li al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr, 2011, h. 89.

utama al-Quran, di samping membahaskan tentang hal-hal berkaitan dengan dakwah, kecintaan kepada Rasul, kerinduan kepada akhirat dan berbagai lagi permasalahan sosial dan politik.⁶³

Risālah al-Nūr amat penting dipelajari oleh semua golongan masyarakat sama ada Muslim atau pun juga bukan Muslim. Penaksiran ayat-ayat al-Quran yang amat unik berbanding kitab-kitab tafsir tradisional yang sedia ada. Said Nursi mentafsirkan al-Quran merujuk kepada situasi yang ada di sekitarnya. Golongan agama, orang kebanyakan atau pun juga bukan Muslim boleh memahaminya dengan mudah. Perbincangan yang cukup luas merangkumi keimanan kepada Allah, tentang wahyu, kehidupan selepas mati, tanggungjawab sebagai manusia, keadilan dan sebagainya dibincangkan dalam *Risālah al-Nūr*. Pembaca akan merasai perubahan dalam kehidupannya setelah mendalami isu yang dibincangkan. Ini kerana perbincangan yang utarakan adalah merupakan coretan daripada pengalaman beliau sendiri untuk dikongsi bersama.⁶⁴

Risālah al-Nūr adalah penjelasan kepada kalimah syahadah “*lā ilāha illa Allah*”. Kalimah *lā ilāha illa Allah* ini tiada lain kecuali kunci bagi membuka *al-nūr* (cahaya keimanan).⁶⁵ Colin Turner melakar pengalamannya dalam mencari jawapan terhadap kalimah syahadah ini. Beliau menyatakan “*Risālah al-Nūr* adalah inspirasi kalimah *lā ilāha illa Allah* yang menunjukkan tanda-tanda Allah, cerminan nama-nama dan sifat-sifatNya, disampaikan kepada kita dengan tegas dalam bentuk konfigurasi baru, yang selalu berubah, yang mengajarkan pengakuan, penerimaan,

⁶³ Ali Nureddin, *Apa itu Risālah al-Nūr?*. Selanjutnya lihat <http://www.malaysianur.com/apa-itu-risalah-al-nur/>. Diakses pada 18/5/2104.

⁶⁴ Ian S. Markham and Suendam Birinci Pirim, *An introduction to Said Nursi Life, Thought and Writings*, Ashgate: England, 2011, h. 18-19.

⁶⁵ Badi' al-Zamān Sa'id Nursi, *al-Maktabat*, terj. Ihsān Qāsim al-Şālihi, cet. 2, Kaherah: Dār al-Nayl li al-Tibā'ah wa al-Nasyr, 2011, h. 401. Rujukan seterusnya sebagai Nursi, *al-Maktabat*.

penyerahan, kecintaan dan peribadatan. *Risālah al-Nūr* menunjukkan satu proses yang jelas untuk menjadi seorang Muslim dilihat dari hakikat, katanya: iktibar menjadi pengetahuan, pengetahuan menjadi penegasan, penegasan menjadi keimanan atau keyakinan dan keyakinan menjadi penyerahan diri dan akhirnya realiti Islam akan mengikutinya dengan sendiri.⁶⁶

Berdasarkan bukti-bukti tersebut, pengkajian tentang peribadi hebat Badiuzzaman Said Nursi serta karyanya *Risālah al-Nūr* mesti dilakukan dari masa ke semasa. Kekuatan dalaman dan keyakinan yang tinggi kepada Allah SWT dalam menulis karya agungnya melonjakkan lagi kredibiliti beliau sebagai seorang tokoh pemikir islah dunia Islam termasuklah islah dalam pendidikan ummah. Justeru itu, pemikiran beliau dalam pendidikan Islam mesti diangkat kembali agar mutiara berharga itu menjadi tatapan umat Islam seluruhnya. Bersesuaian dengan cabaran masyarakat yang begitu kompleks dengan kecelaruan identiti juga faham sekularisme yang masih menjawai dalam masyarakat, maka sewajarnya kajian tentang pendidikan Islam serta kesesuaian pengamalannya menurut Said Nursi amat wajar sekali untuk diketengahkan.

Berdasarkan pemikiran Said Nursi dalam pendidikan, penyelidikan ini akan mengutarakan pandangan Said Nursi sebagai metodologi perbandingan dengan tokoh-tokoh pendidikan dan pemikiran Islam sebelum dan juga sesudahnya. Hasil dapatannya nanti akan membuka ruang kepada sarjana Islam atau pengkaji seterusnya untuk membuat penambahbaikan terhadap metodologi pendidikan yang sedia ada yang benar-benar berlandaskan realiti dan keperluan dalam masyarakat sekeliling.

⁶⁶ Badiuzzaman Said Nursi, *Risalah An-Nur, Said Nursi: Pemikir Dan Sufi Besar Abad ke 20 (Menjawab Yang Tak Terjawab, Menjelaskan Yang Tak Terjelaskan)*, Murai Kencana: Jakarta, 2003, h. xxiii.

1.3 Objektif Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk memberikan gambaran yang menyeluruh tentang pendidikan Islam berdasarkan pandangan tokoh yang dikaji. Secara lebih khusus, pengkaji ingin mencapai 3 objektif utama kajian, iaitu:

- a. Memperkenalkan Said Nursi sebagai tokoh Pendidikan Islam.
- b. Mengkaji karya *Risālah al-Nūr* dalam isu-isu berkaitan pendidikan Islam.
- c. Menganalisis bentuk pendidikan Islam Menurut Said Nursi berdasarkan *Risālah al-Nūr*.

1.4 Soalan Kajian

Secara umumnya, kajian ini akan menumpukan kepada 3 persoalan utama iaitu:

- a. Siapakah Said Nursi dalam memperjuangkan pendidikan Islam?
- b. Bagaimanakah bentuk pendidikan Islam dan amalannya menurut Said Nursi berdasarkan *Risālah al-Nūr*?
- c. Apakah sumbangan *Risālah al-Nūr* dalam bidang pendidikan Islam?

1.5 Skop Kajian

Skop kajian ini tertumpu kepada seorang tokoh pembaharuan (*mujaddid*) abad ke-20 di Turki iaitu Badiuzzaman Said Nursi (1877-1960). Ketokohan beliau dalam mengembalikan roh Islam di kalangan umat Islam Turki menjadikan beliau sebagai pejuang yang tidak putus asa melawan penguasaan penjajah di zamannya. Keintelektualan yang tinggi menjadikan beliau sebagai rujukan dalam